



# Rahmat berpuasa di negara sendiri

## Masa menahan lapar singkat berbanding di Barat

**T**eringat ketika bermastautin di United Kingdom (UK), walaupun menetap di negara minoriti Muslim, sambutan Ramadan tetap terasa dalam kalangan umat Islam dari pelbagai bangsa. Cuma, hanya segelintir masjid di kawasan majoriti Muslim meriah dengan solat sunat tarawih.

Sesetengah tempat di London, Manchester dan Birmingham diadakan tarawih berjemaah, itupun kebanyakannya hanya dihadiri jemaah lelaki saja. Ada juga menjadikan dewan awam seba-

gai rumah ibadat sementara sepanjang Ramadan.

Tentulah yang dirindukan, bacaan al-Quran yang berkumandang dari masjid sebelum waktu imsak dan azan mengisytarkan waktu berbuka. Di tempat penulis bermastautin, azan tidak pernah berkumandang secara terbuka.

Justeru, untuk membiasakan anak dengan suasana sahur dan azan menandakan waktu berbuka, diperdengarkan bacaan al-Quran dan azan sebaik masuk waktu Subuh dan Maghrib. Seronoknya, semua juadah bersahur dan berbuka

dimasak sendiri dengan bantuan suami dan anak.

Apabila pulang ke tanah air, tentulah rasa teruja menyambut Ramadan berbeza sama sekali. Selain bacaan al-Quran yang berkumandang, seruan azan bertalu apabila masuk waktu. Tempoh berpuasa juga pendek, berbanding 17 hingga 18 jam di UK sepanjang Ramadan di musim panas.

### Tanggungjawab kepada yang Esa

Hakikatnya, di mana saja berada, tanggungjawab kepada yang Esa wajib ditunaikan dengan penuh keinsafan. Tawaran pahala berlipat ganda, anugerah lailatul qadar dan kemampuan dari dosa tentunya tidak mampu ditinggalkan begitu saja.

Sabda Rasulullah SAW: "Barang siapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran pahala dari Allah maka diampunkan baginya segala dosa yang telah lalu." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Gangguan syaitan yang selama ini membantutkan tekad dan hasrat untuk melakukan kebajikan juga dihalang oleh Allah SWT, seperti dirakamkan dalam hadis: "Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila telah tiba bulan Ramadan, maka terbukalah semua pintu rahmat dan ditutup semua pintu neraka serta tangan-tangan syaitan dirantai." (Hadis riwayat Ahmad)

Itulah kegembiraan tidak terkira kepada sesiapa yang masih diberi ruang dan peluang memohon keampunan pada bulan penuh rahmat dan barakah ini.

### Haram daripada api neraka

Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa merasa gembira dengan sebab kedatangan bulan Ramadan nescaya Allah Taala mengharamkan jasadnya daripada api neraka." (Hadis riwayat Ahmad)

Inilah sepatutnya diterapkan dalam jiwa anak atau muallaf seawal mereka mula ingin memahami sebab dan musabab berpuasa. Ia bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga

mengawal diri daripada melakukan makasiat, kejahatan serta dosa lain.

Selain perut, hati juga berpuasa, malah mata, telinga dan mulut turut berpuasa daripada halwa yang selama ini menden-dangkan lagu alpa yang menghitamkan hatinya selama 11 bulan.

Tentunya menahan diri seharian tidak mudah dilakukan, apatah lagi banyak cabaran dan halangan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah. Tanpa kesabaran dan kekuatan iman, mustahil seseorang itu mampu berpuasa dalam erti kata sebenarnya.

Firman Allah: "Sesungguhnya orang yang bersabar saja yang akan disemburnakan pahala mereka dengan tidak terkira." (Surah Az-Zumar, ayat 10)

Sebab itulah tidak pelik apabila melihat ramai warga dewasa yang terang-terangan merokok, makan dan minum di khalayak terutama di restoran, kedai makan serta bazar Ramadan, dalam kalangan penjual juadah berbuka itu sendiri kerana mereka tidak sabar.

Justeru, bagi yang baru belajar berpuasa genap sebulan atau berhasrat melakukannya dengan sungguh-sungguh kali ini, cubalah memperbanyakkan membaca al-Quran dan solat berjemaah serta penuh kelapangan waktu dengan beriktikaf di masjid.

Ia boleh mendekatkan diri dengan mereka yang sentiasa mengabdikan diri kepada Allah serta menjalankan kewajipan sebagai Muslim secara jujur dan amanah. Hati akan sentiasa jauh dari nafsu serakah yang membaja dalam diri, walaupun tiada desakan syaitan durjana.

Sebaik-baik amalan ialah tuli dengan hasut dan caci, bisu dengan umpat dan keji serta buta dengan aurat duniawi.

Jangan sesekali membiarkan diri kita melakukan perbuatan sia-sia dan mengundangi dosa kerana ia boleh mengurangkan kualiti puasa atau membatalkannya. Ujian berpuasa tentulah tidak seberapa berbanding kelebihan dan manfaat Ramadan yang lengkap berpakej.



**NIK SALIDA SUHAILA**

**Pensyarah Kanan**  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia